

SOALAN NO.: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**5 MAC HINGGA 5 APRIL 2018**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI]**

**TARIKH : 6 MAC 2018**

**SOALAN :**

**Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah dan peratusan sambutan pekebun kecil getah terhadap skim bantuan musim tengkujuh di Kawasan Parliment Kuala Krai.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) merupakan satu inisiatif kerajaan untuk membantu golongan pekebun kecil getah yang terjejas punca pendapatan berikutan aktiviti penorehan yang terganggu disebabkan hujan berlebihan pada bulan November, Disember 2017 dan Januari 2018. Bagi Kawasan Parlimen Kuala Krai, pekebun kecil getah yang berdaftar adalah seramai 11,916 orang dan bilangan pekebun kecil yang memohon BMT adalah seramai 9,706 orang atau 81%. Permohonan BMT telah dibuka pada 1 Oktober 2017 dan ditutup pada 31 Januari 2018. Bayaran pertama BMT adalah pada November 2017 dan bayaran terakhir adalah pada 30 April 2018.

Sekian, terima kasih.